

## **PENGURUSAN ADUAN DAN PERTANYAAN HOSPITAL KUALA LUMPUR**

Jabatan/Cawangan/Unit : **Unit Komunikasi Korporat HKL**

---

**S1 : Bagaimana saya ingin membuat aduan/cadangan/  
penghargaan kepada pihak HKL?**

J1 : Pelanggan HKL boleh melayari lama web <https://moh.spab.gov.my/> atau mengisi Borang Maklumbalas Pelanggan yang boleh didapati melalui peti cadangan di setiap klinik, kaunter informasi HKL atau kaunter utama Kompleks Pakar dan Rawatan Harian (SCACC), HKL. Pelanggan juga boleh memberi maklumbalas melalui emel [pro.hkl@moh.gov.my](mailto:pro.hkl@moh.gov.my).

**S2 : Bolehkah saya mengemukakan aduan tanpa memberitahu maklumat peribadi?**

J2 : Tidak digalakkan. Adalah menjadi keutamaan agar butiran maklumat asas pengadu seperti Nama / No Telefon / Alamat / Emel / Nama Pesakit / No Kad Pengenalan Pesakit dibekalkan dalam aduan agar siasatan yang lengkap dapat dilaksanakan. Sebarang butiran aduan yang tidak lengkap dan tidak berasas tidak akan diproses oleh HKL.

### **S3 : Bagaimana saya ingin mengetahui status aduan saya?**

J3 :

- HKL menghantar Surat Akuan Terima (SAT) kepada pengadu sebagai makluman awal kepada pengadu bahawa aduan telah diproses serta tahap kompleksiti aduan.
- *Standard Operating Procedures (SOP)* KKM, setiap aduan akan diproses oleh HKL dalam tempoh 14 hari hingga 365 hari bekerja (bergantung pada kompleksiti aduan berkaitan).
- Semua urusan berhubung dengan tindakan siasatan boleh disemak oleh pengadu melalui sistem SISPAA menggunakan no. rujukan MOH aduan kerana adalah menjadi keutamaan HKL agar setiap aduan didaftarkan dalam sistem pengurusan aduan KKM.
- HKL akan memaklumkan keputusan penyelesaian kes kepada pengadu samada melalui surat atau emel yang dibekalkan oleh pengadu.
- Sekiranya aduan diputuskan sebagai kes Medico-Legal oleh Jawatankuasa Penyiasat, kes akan dipindahkan kepada Unit Etika dan Medico-Legal HKL untuk siasatan lanjutan.

### **S4 : Berapa lama pertanyaan awam akan dijawab?**

J4 : Pertanyaan awam (*public enquiries*) akan dijawab oleh pihak HKL dalam tempoh tidak melebihi dua (2) hari bekerja.

## **PENGURUSAN/PERKHIDMATAN HOSPITAL KUALA LUMPUR**

---

**S1 : Bagaimana caranya untuk mendapatkan rawatan kepakaran di HKL?**

J1 : Anda perlu diperiksa oleh pegawai perubatan di klinik kesihatan terlebih dahulu sebelum dirujuk (*referral letter*) kepada doktor pakar yang berkaitan.

**S2 : Apakah yang dimaksudkan dengan kes-kes kecemasan bagi tujuan rawatan di Jabatan Kecemasan dan Trauma, HKL?**

J2 : Kes-kes kecemasan termasuk kes kemalangan (di jalan raya / di tempat kerja / domestik ) kesukaran pernafasan, serangan jantung, pengsan, kebakaran atau melecur yang teruk, sawan, patah tulang, keracunan atau pengambilan ubat atau dadah secara berlebihan dan sakit perut secara tiba-tiba yang teruk.

**S3 : Adakah pihak HKL akan bertanggungjawab di atas kehilangan harta benda atau kenderaan pesakit / waris ketika mendapatkan rawatan di HKL?**

J3 : Tidak. Pihak HKL tidak bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan yang berkaitan. Pesakit/waris dinasihatkan tidak membawa sebarang barang berharga semasa mendapatkan rawatan di HKL.

**S4 : Bagaimana saya ingin mengetahui status permohonan laporan perubatan saya?**

J4 : Pelanggan boleh menghubungi nombor talian utama HKL : 03-2615 5555 dan mohon disambungkan ke Jabatan Rekod Perubatan HKL atau emel ke [rekod.hkl@moh.gov.my](mailto:rekod.hkl@moh.gov.my).

**S5 : Bagaimana jika saya ingin membuat ujian saringan bagi kes Covid-19?**

J5 : Pelanggan disarankan untuk terus ke pusat saringan Covid-19 yang terletak di belakang bangunan Kecemasan dan Trauma, HKL bersebelahan dengan Institut Perubatan Forensik Negara (IPFN) HKL.

**S6 : Dimanakah lokasi parkir kenderaan yang disediakan oleh pelanggan pelawat HKL?**

J6 : Pihak HKL telah menyediakan dua (2) lokasi parkir utama iaitu di Kompleks Pakar dan Rawatan Harian (SCACC) (terhad) dan Bangunan Parkir Bertingkat. Adalah menjadi keutamaan agar pelanggan tidak meletakkan kenderaan di lokasi lain kerana HKL adalah lokasi zon tunda.

**S7 : Bagamana jika saya ingin membuat lawatan mesra atau CSR di HKL?**

J7 : Pelanggan boleh menghantar emel permohonan ke [pro.hkl@moh.gov.my](mailto:pro.hkl@moh.gov.my).

**S1 : Berapakah kadar caj wad bagi pesakit yang menerima rawatan di HKL?**

J1 : Kadar caj wad bergantung kepada bilangan hari pesakit menduduki wad, mengikut kelas wad dan rawatan yang diterima semasa pesakit berada di wad. Selain itu, jenis rawatan diterima pesakit berdasarkan ketetapan pegawai perubatan.

**S2 : Bagaimana untuk menempah Wad Kelas 1 di HKL?**

J2 : Pesakit tidak perlu menempah lebih awal Wad Kelas 1 kerana pesakit akan ditempatkan di Wad Kelas 3 terlebih dahulu. Semasa pesakit berada di Wad Kelas 3, pesakit atau waris boleh membuat tempahan kelas wad lebih tinggi, tertakluk kepada kekosongan katil dan keadaan kesihatan pesakit atas persetujuan pegawai perubatan.

**S3 : Berapakah kadar caj deposit terhadap pesakit Warganegara Malaysia dan Warganegara Asing bagi memasukkan mereka ke wad HKL?**

J3 : Kadar caj deposit yang dikenakan adalah mengikut disiplin wad semasa pesakit mendapatkan rawatan. Kadar caj deposit adalah seperti dalam Jadual berikut :-

<b>WARGANEGARA MALAYSIA</b>			
<b>Kelas Wad</b>	<b>Perubatan</b>	<b>Pembedahan</b>	<b>Bersalin &amp; O&amp;G</b>
Kelas 1	RM1050	RM 1650	RM 800
Kelas 2	RM 200	RM 400	RM 350
Kelas 3	RM 20	RM 30	RM 15

<b>WARGANEGARA ASING</b>			
<b>Kelas Wad</b>	<b>Perubatan</b>	<b>Pembedahan</b>	<b>Bersalin &amp; O&amp;G</b>
Eksekutif	RM 7,000	RM 11,000	RM 7,000
Kelas 1	RM 7,000	RM 11,000	RM 7,000
Kelas 2	RM 3,000	RM 5,000	RM 5,000
Kelas 3	RM 1,400	RM 2,800	RM 2,800

**S4 : Apakah perkara penting dan perlu diketahui pesakit ketika membuat urusan kemasukan ke Wad, pembayaran bil-bil dan caj hospital?**

J4 : Semasa pesakit membuat pendaftaran di Klinik-klinik Pakar atau kemasukan ke wad, pesakit perlu mengemukakan dokumen asal pengenalan diri bagi menentukan kadar caj yang akan dikenakan terhadap mereka.

Sila lawati website HKL untuk keterangan lanjut, melalui pautan <http://www.hkl.gov.my/> > Patient >

- Admission Guide
- Online Hospital Bill Payment
- Hospital Charges

**S5 : Apakah kadar caj yang dikenakan jika seseorang pesakit membawa surat rujukan daripada Hospital atau Klinik Swasta?**

J5 : Selaras dengan Garis Panduan Pelaksanaan Perintah Fi (Perubatan) (pindaan) 2017, kadar caj bagi pesakit luar yang dirujuk Pengamal Perubatan Persendirian bagi sesuatu ujian, siasatan dan rawatan adalah mengikut caj Kelas 1. Manakala kadar caj bagi pesakit yang dirujuk Pegamal Perubatan Persendirian untuk kemasukan ke Wad pula adalah mengikut kelas wad yang diduduki oleh pesakit.

**S1 Apakah perbezaan di antara CRCHKL dan NCRC?**

J1 CRCHKL adalah Pusat Penyelidikan Klinikal Hospital Kuala Lumpur yang merupakan sebuah unit penyelidikan klinikal di bawah Hospital Kuala Lumpur (HKL).

NCRC (sebelum ini dikenali sebagai Pusat Penyelidikan Klinikal Kebangsaan), yang pada masa kini lebih dikenali sebagai Institut Penyelidikan Klinikal, adalah sebahagian daripada Institut Kesihatan Negara (NIH) yang berlokasi di Setia Alam.

**S2 Apakah perkhidmatan yang diberikan oleh CRCHKL?**

J2 CRCHKL membantu staf Hospital Kuala Lumpur, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) atau sesiapa yang berminat untuk menjalankan penyelidikan klinikal di HKL dengan menawarkan pelbagai perkhidmatan penyelidikan, termasuk:

- Pendaftaran dan kelulusan etika untuk semua penyelidikan yang dijalankan di Hospital Kuala Lumpur,
- Runding cara penyelidikan seperti pendaftaran NMRR, penyediaan kertas cadangan penyelidikan, pengurusan data dan analisis statistik, pembentangan dan penerbitan, permohonan geran penyelidikan NIH,
- Penilaian kertas cadangan penyelidikan bersama Jawatankuasa Penyelidikan dan Penilaian Hospital (HRRC HKL), dan
- Latihan penyelidikan seperti Pengenalan Penyelidikan Klinikal, Pencarian Kesusasteraan, Metodologi Penyelidikan, *Critical Appraisal*, Pengurusan Data, Statistik Asas menggunakan SPSS, Penulisan Manuskrip, *Good Clinical Practice (GCP)*

*\*Secara general, latihan penyelidikan yang dijalankan adalah percuma dan khusus kepada staf HKL kecuali Good Clinical Practice Workshop.*

### **S3 Adakah CRCHKL menyediakan geran penyelidikan?**

J3 CRCHKL tidak menyediakan geran penyelidikan. Walau bagaimanapun, kita memberikan bimbingan kepada staf KKM dalam permohonan geran penyelidikan daripada NIH. Untuk keterangan lanjut, sila layari [www.nih.gov.my](http://www.nih.gov.my).

### **S4 Apakah proses untuk menjalankan penyelidikan IIR di HKL?**

J4 Sebelum memulakan penyelidikan di HKL,

- Sila daftarkan penyelidikan anda di NMRR ([www.nmrr.gov.my](http://www.nmrr.gov.my)) dan mendapatkan kelulusan etika daripada Jawatankuasa Etika Penyelidikan Perubatan (MREC), dan
- Penyelidikan anda juga mesti mendapatkan kelulusan daripada Ketua Jabatan dan Pengarah Hospital Kuala Lumpur.

CRCHKL amat menggalakkan semua penyelidik bukan kakitangan HKL untuk mempunyai seorang penyelia atau penyelidik dalaman HKL di tempat kajian untuk memudahkan proses pengumpulan data.

Untuk kajian *Systematic Review*, *Case Series*, *Case Report* dan Audit Klinikal, penyelidik adalah digalakkan untuk mendaftar di NMRR dan CRCHKL. Kelulusan MREC mungkin diperlukan pada kes tertentu.

Untuk sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di [crc.hkl@moh.gov.my](mailto:crc.hkl@moh.gov.my) or 03-26155555, Ext 6262

### **S5 Adakah semua penyelidik memerlukan sijil Good Clinical Practice (GCP)?**

J5 Semua penyelidik yang terlibat dalam penyelidikan intervensi atau penyelidikan tajaan industri (ISR) mestilah lulus GCP manakala penyelidikan tidak melibatkan intervensi adalah terpulang kepada keperluan penyelidik.



Walau bagaimanapun, semua penyelidik seharusnya menjalankan penyelidikan mengikut garis panduan Good Clinical Practice. Untuk memuat turun Garis Panduan Good Clinical Practice Edisi ke-4, sila layari [www.nmrr.gov.my/usermanual/documents](http://www.nmrr.gov.my/usermanual/documents).

**S1 Apakah perkhidmatan yang disediakan oleh Jabatan Kerja Sosial Perubatan?**

J1 Terdapat dua jenis perkhidmatan yang diberikan oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan kepada pesakit iaitu bantuan praktik dan terapi sokongan.

Bantuan praktik adalah merangkumi tiga jenis bantuan iaitu kewangan, penempatan institusi dan mengesan waris. Manakala terapi sokongan merangkumi tiga jenis intervensi iaitu khidmat perundingan, sokongan emosi dan intervensi krisis.

**S2 Apakah syarat-syarat atau kriteria untuk tinggal di Rumah Perantaraan HKL?**

J2 Syarat-syarat atau kriteria untuk tinggal di Rumah Perantaraan HKL adalah seperti berikut :

- i. Pesakit/pengiring merupakan warganegara Malaysia.
- ii. Tinggal di Rumah Perantaraan semasa sedang mendapat rawatan di HKL.
- iii. Mesti dirujuk oleh Pakar/ Pegawai Perubatan ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan dan mendapat kelulusan untuk tinggal melalui Pegawai Kerja Sosial Perubatan.
- iv. Perlu membayar deposit RM20.00 untuk kemasukan dan bayaran caj harian RM5.00 untuk setiap pesakit/ pengiring bagi yang berkemampuan berdasarkan penilaian sosio ekonomi oleh Pegawai Kerja Sosial Perubatan.

### **S3 Bagaimanakah cara untuk menjadi Sukarelawan HKL?**

- J3 Pemohon boleh mendapatkan borang permohonan sebagai sukarelawan hospital di Jabatan Kerja Sosial Perubatan. Borang yang telah diisi perlu dihantar ke Jabatan Kerja Sosial Perubatan untuk penilaian dan kelulusan. Syarat-syarat permohonan akan diterangkan kepada pemohon semasa penyerahan borang tersebut.

Jabatan/Cawangan/Unit : **Neurologi HKL**

---

**S1 : Adakah saya perlu mendapatkan tarikh temujanji atau boleh dating terus (*walk in*)?**

J1 : Pesakit/waris boleh hadir ke kaunter klinik neurologi bersama surat rujukan yang sah untuk proses penetapan tarikh temujanji.

**S2 : Bagaimana proses penetapan tarikh temujanji dilakukan?**

J2 : Semua surat rujukan yang diterima oleh kaunter klinik neurologi pada hari tersebut, akan disaring oleh Pakar Neurologi yang bertugas untuk penetapan tarikh temujanji.

Pesakit/waris akan dimaklumkan tarikh temujanji dalam jangkamasa 7 hari bekerja.

**S3 : Bilakah masa terbaik untuk membuat panggilan ke kaunter Klinik Neurologi untuk proses penukaran tarikh temujanji?**

J3 : Dinasihatkan, semua panggilan masuk berkaitan perkara di atas diadakan selepas waktu sibuk klinik sedang berlangsung. Dicadangkan masa terbaik pada hari klinik adalah jam 3.00 petang. Sila rujuk Jadual Klinik.

**S1 : Apakah kategori pesakit yang memerlukan penjaga semasa perawatan pesakit dalam di wad N5B?**

J1 : (a) Keadaan pesakit

- Pesakit separuh sedar.
- Pesakit lumpuh separuh badan.
- Pesakit sedar, tetapi tidak stabil semasa berjalan atau berdiri.

(b) Lokasi pesakit di dalam wad

- Kubikle pertama, ketiga dan keempat.
- Wad kelas pertama.

(c) Jumlah penjaga - seorang sahaja.

(d) Jantina penjaga - perempuan.

(e) Alasan memerlukan penjaga

- mengelakkan potensi pesakit jatuh.
- membantu perawatan yang melibatkan mobilasi dan aktiviti harian (ADL).


**S2 : Apakah kriteria pesakit yang dibenarkan masuk di wad kelas pertama N5B?**

J2 : Kriteria pesakit yang dibenarkan masuk di wad kelas pertama N5B adalah :-

- Pesara dan kakitangan kerajaan yang berkelayakan untuk kelas pertama.
- Pesakit telah meletakkan deposit Wad Kelas pertama di unit hasil semasa pendaftaran masuk.
- Pesakit yang telah disahkan stabil untuk meneruskan perawatan di Wad kelas pertama oleh pegawai perubatan/pakar yang menjaga.

**S3 : Bagaimana proses discaj pesakit dalam dari wad N5B?**

J3 :



**S1 : Apakah ujian neurodiagnostik yang terdapat Di Unit Neurofisiologi HKL?**

J2 :

1	Electroencephalography (EEG)	Highly sensitive monitoring equipment records the activity through electrodes that are placed at measured intervals on a patient's scalp. The test is not painful. The test itself usually takes about 90 minutes
2	Video Telemetry Recording (VTR)	Video Telemetry Recording is a special type of EEG (brainwave) investigation. The brainwaves are recorded usually for several days along with a video using a camera as in patient. Therefore this is a much longer recording than a standard EEG.
3	Polysomnography (PSG)	The Polysomnography [PSG] is a recording during sleep that uses EEG and other physiologic monitors to evaluate sleep and sleep disorders as in patient.
4	Evoked Potentials (EP)	Evoked Potentials [EP] are recordings of electrical activity from the brain, spinal nerves, or sensory receptors in response to specific external stimulation.
5	Nerve Conduction Studies (NCS)	Nerve Conduction Studies [NCS] evaluate electrical potentials from peripheral nerves.

6	Electromyography (EMG)	Electromyography (EMG) is an electrodiagnostic testing that use EMG needles to study nerve and muscle function.
---	------------------------	---

**S2 : Bagaimana cara untuk mendapatkan laporan ujian neurodiagnostik?**

J2 : Pesakit luar dari klinik neurologi

- laporan ujian akan dimaklumkan semasa temujanji ulangan.

Pesakit rujukan dari jabatan lain di HKL atau luar HKL

- laporan ujian akan dihantar ke jabatan yang merujuk selepas 2 minggu.



**S1 : Bolehkah klinik menerima pesakit *Walk-In* bagi pemeriksaan gigi ?**

J1 : Tidak boleh. Klinik hanya menerima pesakit yang mempunyai surat rujukan. Pesakit yang tiada masalah perubatan, boleh pergi ke Klinik Pergigian Kerajaan yang berdekatan bagi membuat pemeriksaan gigi.

**S2 : Bolehkah saya mendapatkan rawatan tampalan serta penskaleran di Jabatan Bedah Mulut & Maksilofasial, HKL?**

J2 : Kedua-dua rawatan tersebut hanya diberi keutamaan kepada pesakit yang mempunyai penyakit kronik seperti sakit jantung, Darah tinggi, Kencing manis, Kanser yang dirujuk. Pesakit yang tiada masalah kesihatan, boleh mendapatkan rawatan tersebut di Klinik Pergigian Kerajaan berhampiran dengan tempat tinggal.

**S3 : Bolehkah saya buat implan gigi dan berapa kosnya ?**

J3 : Boleh dengan syarat, datang bersama surat rujukan. Kos rawatan sekitar RM3000-RM4000 mengikut jenis implan yang digunakan. Walaubagaimanapun bukan semua kes rujukan implan sesuai untuk meneruskan rawatan. Pakar Bedah Mulut akan membuat segala kajian/siasatan yang diperlukan sebelum rawatan dimulakan.

**S4 : Bolehkah saya bawa anak saya untuk rawatan pergigian ?**

J4 : Klinik hanya menerima pesakit yang membawa surat rujukan dari klinik/hospital kerajaan atau swasta bagi umur 16 tahun ke atas.

**S5 : Ke manakah saya harus pergi sekiranya, surat rujukan beralamatkan Pakar Perubatan Mulut & Patologi Mulut, HKL ?**

J5 : Pesakit perlu pergi ke Klinik Bedah Mulut & Maksilofasial di bangunan utama bagi kepakaran seperti di bawah :

- 1) Pergigian Forensik
- 2) Perubatan Mulut & Patologi Mulut
- 3) Keperluan Khas Pergigian

**S1 : Apakah jenis kes-kes yang dirujuk ke Klinik Genetik?**

J1 : Kebanyakan kes dirujuk untuk mendapatkan diagnosis yang tepat untuk masalah kesihatan mereka. Contoh kes-kes ini adalah kanak-kanak yang mempunyai masalah lewat perkembangan , bayi yang lahir dengan kecacatan fizikal seperti sumbing dan masalah jantung, klien yang ingin mengetahui risiko kanser mereka, serta pesakit yang ingin mengetahui lebih lanjut tentang penyakit keturunan yang dihadapi mereka.

**S2 : Adakah had umur untuk pesakit yang dirujuk ke Klinik Genetik?**

J2 : Tiada had umur untuk merujuk kes ke Klinik Genetik, ibu mengandung yang mempunyai masalah dengan kandungan mereka hinggalah ke pesakit geriatrik yang disyaki menghidap penyakit keturunan boleh dirujuk ke Klinik Genetik.

**S3 : Apakah kos yang terlibat untuk sesuatu ujian genetik?**

J3 : Untuk warganegara Malaysia, ujian yang dilakukan di dalam negara adalah kebanyakannya percuma. Kebanyakan ujian genetik yang lebih canggih perlu dilakukan di luar negara. Doktor akan berbincang terlebih dahulu dengan pesakit dan ibubapa jika ujian yang ingin dilakukan melibatkan pembayaran dari pihak pesakit sendiri.

**S4 : Apakah kos yang terlibat untuk warganegara asing?**

J4 : Senarai kos untuk ujian-ujian ini boleh diperolehi di kaunter pendaftaran di Klinik Genetik.

**S1 : Bagaimanakah cara untuk mendapat rawatan di Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HKL?**

J1 : Dapatkan pemeriksaan dan surat rujukan daripada mana-mana doktor yang bertauliah (seperti di klinik kesihatan atau klinik swasta terdekat). Setelah itu, sila hadir (bersama surat rujukan) ke Klinik Pakar Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HKL yang terletak di tingkat 4 bangunan Kompleks Pakar dan Rawatan Harian (SCACC) semasa waktu pejabat.

**S2 : Bagaimana pula untuk kes-kes kecemasan?**

J2 : Untuk kes-kes kecemasan sahaja yang mungkin mendatangkan bahaya kepada diri sendiri atau pun kepada orang lain, sila hadir ke Klinik Pakar Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental HKL yang terletak di tingkat 4 bangunan Kompleks Pakar dan Rawatan Harian (SCACC) semasa waktu pejabat, atau ke Jabatan Kecemasan HKL di luar waktu pejabat.

**S3 : Adakah saya akan menerima rawatan di dalam wad?**

J3 : Tidak semua kes perlu menerima rawatan di dalam wad. Pemeriksaan oleh doktor di Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental akan menentukan sama ada anda perlu menerima rawatan wad atau memadai dengan cara rawatan luar menggunakan ubat-ubatan dan/atau *psychotherapy* (terapi secara bercakap).

**S4 : Bilakah waktu pendaftaran rawatan di Klinik Pakar Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental?**

J4 : Isnin - Jumaat: 7.30 am - 4.30 pm  
(Waktu rehat Isnin-Khamis: 1.00 pm – 2.00 pm;  
Jumaat: 12.15 pm– 2.45 pm).

Sekiranya anda diberi waktu temujanji, datanglah mengikut waktu temujanji untuk mengelakkan kelewatan mendapatkan rawatan.

**S5 : Apa yang perlu dibawa semasa kemasukan ke wad psikiatri?**

- J5 :
- (i) Anda dibenarkan membawa keperluan peribadi untuk kegunaan harian.
  - (ii) Ubat-ubatan\* sekiranya anda sedang menjalani sebarang rawatan lain.
  - (iii) Lain-lain keperluan seperti pakaian\* atau wang tunai\* adalah terhad untuk kegunaan semasa datang (ke hospital) atau semasa dibenarkan keluar (discaj).
  - (iv) Makanan dan minuman akan disediakan di wad dan anda tidak digalakkan untuk membawa makanan luar.

\* Sila serahkan barang-barang yang dibawa kepada staf yang bertugas semasa awal kemasukan.

**S6 : Apakah barang-barang yang dilarang dibawa masuk ke wad psikiatri oleh pesakit dan pelawat?**

J6 : Antara barangan larangan untuk dibawa ke wad:

- (i) Rokok, mancis dan pemetik api.
- (ii) Sebarang dadah atau arak.
- (iii) Senjata seperti pistol atau pisau.
- (iv) Sebarang benda yang boleh dijadikan senjata atau mendatangkan bahaya seperti gunting, kayu, tali dan sebagainya.
- (v) Barangan kemas atau barang-barang bernilai tinggi.

Pelawat akan diminta untuk mendaftar dan mendapatkan pas pelawat. Pelawat mungkin akan diperiksa untuk bahan-bahan terlarang.